

18/08/1998

Rakyat perlu hargai syiling 1 sen

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan bimbang dengan budaya rakyat yang mengutamakan syiling RM1 daripada syiling 1 sen kerana ini akan membawa kesan negatif terhadap penetapan harga minimum sesuatu barangan pada masa depan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, berkata jika rakyat tidak menghargai syiling 1 sen dan lebih mengutamakan syiling RM1, besar kemungkinan pada masa depan harga minimum barangan akan ditetapkan pada kadar setiap ringgit dan bukan setiap sen.

Menurutnya, kebimbangan ini dilahirkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu mesyuarat Kabinet tidak lama dulu dan Perdana Menteri meminta rakyat menghargai nilai syiling seperti 1 sen dan 5 sen.

"Daripada syiling 1 sen dibuang merata-rata, lebih wajar jika ia dimasukkan ke dalam tabung yang disediakan di pusat beli belah atau bank supaya dapat didermakan kepada golongan yang memerlukan.

"Sehubungan itu, saya meminta badan korporat serta gedung perniagaan supaya meneruskan kutipan syiling 1 sen untuk kebajikan dan bukan untuk jangka masa tertentu saja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Kempen Ria Satu Sen anjuran The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Sistem Televisyen Malaysia (TV3), Sukom Ninety Eight Bhd (Sukom '98) dan Bank Negara, di sini hari ini.

Turut hadir, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don; Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Datuk A Kadir Jasin; Pengarah Urusan TV3, Datuk Zahari Omar; Pengerusi Persatuan Bank Malaysia, Datuk Amirsham A Aziz; Pengerusi Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia, Datuk Tay Ah Lek dan Ketua Pegawai Operasi Sukom '98, Lt Jen Datuk Seri Abdul Manap Ibrahim.

Kempen bertujuan membantu golongan kurang bernasib baik menyaksikan Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98) bulan depan yang dilancarkan November tahun lalu, mengumpul RM221,464.31 sehingga Sabtu lalu, melepasi sasarannya untuk mengutip RM200,000.

Zaleha berkata, tanpa disedari pengabaian syiling satu sen menyebabkan pembaziran beratus-ratus ribu ringgit setahun.

Sementara itu, Kadir yang juga Pengerusi Jawantankuasa kempen itu, berkata berikutan sambutan yang menggalakkan, kempen itu akan diteruskan dengan kaedah dan penganjur yang sama bagi membantu aktiviti khidmat sosial yang lain.

"Sumbangan itu akan dimasukkan ke dalam Tabung Kebajikan Malay Mail dengan matlamat utama membiayai kes perubatan yang memerlukan perbelanjaan yang besar," katanya.

Bagaimanapun, Kadir berkata penerima bantuan akan disiasat terlebih dahulu dan dirujuk kepada hospital supaya sumbangan yang diberikan tidak disalah guna.

(END)